



Mendengar dan Bertutur Jadikan Teladan

TANJONG MALIM, SELASA 9 OGOS 2016

DALAM NEGERI

Datuk Bahari bin Umar seorang peniaga yang berjaya. Beliau ialah bekas murid Sekolah Kebangsaan Taman Muhibah, Tanjong Malim. Walaupun telah berjaya, Datuk Bahari tidak lupa akan sekolah lamanya.

Baru-baru ini, beliau telah melawat ke sekolah lamanya. Beliau memberikan hadiah pakaian sekolah dan alat tulis kepada murid-murid miskin. Beliau juga berjumpa dan bertanya khabar dengan guru-guru di sekolah itu.

Wah, rupa-rupanya Datuk Bahari itu bekas murid sekolah kita!

Kita harus mencontohi sifat beliau yang suka menolong orang susah.

Ya, Aimi. Beliau seorang peniaga yang berjaya.

Mengapakah kamu berkata begitu, Aimi?

Aktiviti

Menyampaikan maklumat berdasarkan bahan dengan betulnya.



- Bimbing murid mengenal pasti maklumat dan menyampaikannya.
- KB – Mengetahui
EMK: Nilai Murni – Prihatin

KP – Interpersonal

1.2.2
BA: 71



Membaca

Sikap Baik dalam Berniaga

Mencari unggas di hutan Meru,
Penuh berliku jalan dilihat;
Aimi bertugas membantu guru,
Di kedai buku sewaktu rehat.

Aimi membantu
guru di kedai buku
pada waktu rehat.

Hidup rukun serta bersatu,
Sifat bangga usah dilentur;
Aimi tekun sepanjang waktu,
Kedai dijaga kemas teratur.

Jemur jerami di tepi perigi,
Petik keladi di tepi paya;
Cita-cita Aimi sungguh tinggi,
Ingin menjadi peniaga berjaya.

Aimi hendak menjadi peniaga yang berjaya.

Aimi rajin menjaga dan mengemas kedai buku.

Aktiviti

Membaca, memahami dan menyatakan maksud pantun.



- Minta murid melafazkan pantun dengan sebutan yang betul dan intonasi yang sesuai. Kemudian, minta murid menyatakan maksud kandungan pantun.

KB – Memadankan
EMK: Nilai Murni – Keikhlasan

Pembelajaran Kontekstual

2.3.1 (ii)
BA: 72




Cita-cita Saya

Cita-cita saya hendak menjadi peniaga yang berjaya. Saya akan menjual pelbagai jenis basikal, alat ganti basikal dan membaiki basikal yang rosak.

Saya akan menjual basikal dengan harga yang murah. Dengan cara ini, orang ramai dapat memiliki basikal. mereka dapat bersenam beriadah dan mengamalkan gaya hidup sihat.

kata ibu, saya mesti pandai jika mahu berjaya. oleh itu, saya akan belajar dengan bersungguh-sungguh untuk mencapai cita-cita saya



Aktiviti

Mengedit teks dengan tanda baca yang betul.



- Bimbing murid mengenal pasti dan mengedit kesalahan tanda baca yang terdapat dalam teks.
- KB – Menganalisis
EMK: Nilai Murni – Berdikari

Pembelajaran Kontekstual

3.3.2 (ii)
BA: 73



Restoran Keluarga

Ahli keluarga Aimi bekerjasama membuka sebuah restoran. Ayah Aimi menjadi pengurus restoran. Pak Long, Mak Long dan ibu Aimi membantu ayahnya di restoran itu.



Aktiviti

Membina ayat penyata berdasarkan gambar dan frasa.



- Bimbing murid membina ayat penyata berdasarkan gambar dan frasa.
- KB – Menjanakan idea
EMK : Nilai Murni – Kerjasama

Konstruktivisme

5.3.1 (i)
BA: 74-76